

500kg sisa plastik dikutip di pantai Kuala Sungai Baru

BH 26/8/24 pg 21

Pelajar IPTA sekitar Melaka bergotong-royong bersih kawasan tumpuan pelancong

Alor Gajah: Sebanyak 500 kilogram (kg) sisa plastik dikutip di lima zon sepanjang pesisir pantai dan tepi jalan Kuala Sungai Baru (KBS) pada Program Santuni MADANI Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ KBS siri kedua di sini, semalam.

Program gotong-royong itu dike-tuai Ketua Setiausaha KPT, Datuk

Seri Dr Zaini Ujang dan disertai kira-kira 500 sukarelawan dalam ka-langan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Univer-siti Teknologi MARA (UiTM), Uni-versiti Islam Melaka (UNIMEL), Politeknik Melaka, Politeknik Port Dickson, Kolej Komuniti Masjid Ta-nah, pegawai dan kakitangan KPT serta penduduk setempat.

Zaini berkata, program itu ber-tujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai pengumpulan dan pengurusan sampah serta membantu mengindahkan kawa-san berkenaan yang menjadi tum-puan pelancong.

"Program ini memberi tumpuan di kawasan tiada petugas pem-bersihan yang dilantik pihak ber-kuasa tempatan untuk melakukan kerja pembersihan, ia dilakukan penduduk setempat.

"Pada setiap hujung minggu, tidak kurang 1,000 pengunjung beriadah di sepanjang pantai KBS dan pelbagai sisa sampah diting-galkan di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas program berkenaan.

Program turut disertai Timba-lan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama nege-ri, Rosli Abdullah.

Kajian urus sisa pepejal

Zaini berkata, secara keseluruhan, Program Santuni MADANI Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ KBS siri satu dan dua berjaya mengumpulkan kira-kira 800kg sisa plastik di kawasan.

Beliau berkata, menerusi pro-gram itu juga, satu kajian berkaitan pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik di kawasan KBS



Zaini bersama sukarelawan pada Program Santuni MADANI Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ Kuala Sungai Baru siri kedua, di Alor Gajah, semalam.

(Foto BERNAMA)

akan dilaksanakan dengan ker-jasama institusi pengajian tinggi terbabit, selain membantu peserta atau penduduk menjana pendapa-tan tambahan melalui aktiviti ki-tar semula.

Program Santuni MADANI Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ KBS akan diadakan le-bih kerap sehingga akhir tahun bagi memastikan impak pengan-

jurnannya dalam memastikan ke-bersihan dan keindahan kawasan berkenaan tercapai.

"Kita harapkan program ini bukan sahaja memberi impak kepada alam sekitar, tetapi juga membentuk masyarakat yang me-mentingkan kebersihan, sekali gus menyelesaikan masalah di kawa-san terbabit," katanya.

BERNAMA